

Bil. S 8

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 3 dari Penggal 35
 3. Pindaan bab 5
 4. Pindaan bab 52
 5. Pemansuhan A1 dari Penggal 35
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN {PINDAAN}, 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2017 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2012.

Pindaan bab 3 dari Penggal 35

2. Bab 3 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1), dengan memotong “public notification” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “notification published in the *Gazette*”;

(b) dalam ceraiian (2), dengan memotong “public notification” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “notification published in the *Gazette*”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas ceraiian (4) ceraiian baru yang berikut —

“(4A) Pemungut boleh menentukan bentuk sebarang penyata, tuntutan, pernyataan atau notis yang akan dibuat atau diberikan di bawah Akta ini.”.

Pindaan bab 5

3. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk mengadakan peruntukan bagi —

(a) potongan dan pembayaran cukai atas sumber berkaitan dengan pendapatan dari mana-mana pekerjaan, dan bagi mendapatkan kembali cukai yang dipotong itu; dan

(b) perkara-perkara lain sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan.”.

Pindaan bab 52

4. Bab 52 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1A), dengan memotong perenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(a) be in such form and manner, and accompanied by such annexures and documents, as the Collector may determine; and”.

Pemansuhan A1 dari Penggal 35

5. Aturan-Aturan Cukai Pendapatan (Borang) adalah dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM